SAMPEL PERCUMA

Kertas Percubaan STPM Semester 3 Pengajian Perniagaan

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

946/3 **STPM 2024**

PENGAJIAN PERNIAGAAN

KERTAS 3

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN

1 Jam 45 Minit

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

*Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian A*

*Jawab **SEMUA** soalan 11 dalam Bahagian B*

Jawab soalan 12 atau 13 dalam Bahagian B

*Anda boleh menjawab kedua-dua soalan, iaitu 12 dan 13 tetapi hanya **SATU** jawapan yang pertama akan diperiksa.*

PERCUBAAN NEGERI KELANTAN SEMESTER 3 2024

Bahagian A
[50 markah]

*Jawab **semua** soalan.*

1. Berikan perbezaan antara usahawan dengan peniaga dari aspek berikut:

   (a) Matlamat [2]

   (b) Skala perniagaan. [2]

2. Huraikan **tiga** faktor kejayaan seimbang seseorang usahawan. [6]

3. Huraikan **tiga** bentuk modal kewangan sesebuah perniagaan. [6]

4. Huraikan **tiga** elemen rancangan pengeluaran dalam rancangan perniagaan. [6]

5. Huraikan **dua** tahap perniagaan antarabangsa yang berikut:

   (a) Antarabangsa [2]

   (b) Global [2]

6. Berikan maksud syarikat multinasional dan nyatakan **tiga** tujuan syarikat multinasional [4]

7. Huraikan **dua** kaedah penyelesaian perdagangan antarabangsa. [4]

8. Huraikan **tiga** jenis kempen kerajaan dalam menggalakkan perniagaan antarabangsa. [6]

9. Jelaskan **dua** jenis jenayah kolar putih. [6]

10. Nyatakan **empat** peranan persatuan pengguna. [4]

Bahagian B
[50 markah]

Baca kajian kes di bawah dan jawab soalan yang mengikutinya.

BONIA CORPORATION BERHAD

11. Bonia Corporation Berhad, pengeluar barangan kulit premium merangkap peruncit barangan gaya hidup antarabangsa, diasaskan pada tahun1974 oleh Chiang Sang Sem (SS Chiang) yang merupakan pemegang saham utama Bonia Corporation. Chiang Sang Sem adalah anak sulung seorang penoreh getah di Melaka daripada sembilan adik beradik. Disebabkan kemiskinan, Chiang berpindah ke rumah bapa saudaranya di Penang ketika usia baru mececah 15 tahun untuk bekerja kilang beg tangan bapa saudaranya itu. Di situ dia belajar melukis beg, menggunting, menjahit hingga siap sebuah beg tangan dengan upah RM15 sebulan. Pada tahun 1971, beliau merantau ke Singapura dan bekerja membuat beg di sebuah kilang yang lebih besar dengan gaji $60 sebulan.

Pada tahun 1974, dengan berbekalkan simpanan sebanyak $1,200 dan meminjam lagi $3,800 daripada saudara maranya, Chiang membuka sebuah kilang kecil di republik itu dengan tujuh orang pekerja. Tiga daripadanya adalah adik-adiknya sendiri. Chiang membayar mereka sehari $1 dengan dia sendiri tidak bergaji untuk beberapa bulan. Di kilang itu, Chiang membeli sebuah mesin jahit terpakai, bekerja 15 jam sehari dan tidur di atas katil lipat di kilangnya. Dia sendiri menghantar beg yang ditempah kepada pelanggannya dengan menaiki sebuah motorsikal.

Sejak itu Chiang tidak berpaling lagi. Dari hanya sebuah motorsikal, dia akhirnya dapat membeli sebuah kereta. Pada tahun 1978, dia bersama 80 pekerjanya berpindah ke Johor Bahru dan mula menghasilkan beg-beg tangan untuk syarikat-syarikat besar. Menyedari potensi untuk menghasilkan beg jenamanya sendiri, Chiang berpindah pula ke KL dan kemudiannya membuka butik pertama mereka di Singapura dan seterusnya di kampung halamannya, Melaka.

Chiang kerap mengembara ke seluruh Eropah dan Asia untuk mendapatkan kemas kini terkini tentang trend fesyen dan perubahan teknologi dalam industri pakaian kulit dan aksesori fesyen. Beliau mengambil keputusan untuk menggunakan nama BONIA sebagai nama produknya ketika melawat Bologna di Itali kerana lebih mudah disebut oleh orang Malaysia.

Namun bagi Chiang, kejayaan yang dinikmatinya adalah hasil daripada kesukaran dan kepayahan yang dilaluinya selama ini. Semasa wabak SARS melanda pada tahun 1993 pula, jualan BONIA jatuh hampir 50 peratus. Ketika berlaku krisis kewangan pada tahun 1997, dia terpaksa menutup kilangnya di Singapura dan menjual banyak hartanya semata-mata untuk membayar hutang. Semua ini mengajar Chiang supaya lebih berhati-hati dengan pengaliran wang keluar masuk dan betapa pentingnya untuk mempunyai wang tunai yang besar.

Setelah melalui pengalaman yang cukup perit itu, Chiang nekad untuk bangun dan bekerja keras semula. Pada tahun1994, Bonia Corporation telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Aktiviti teras Bonia Group kini adalah dalam reka bentuk produk, pembuatan, promosi, pemasaran, pengedaran, borong dan runcit pakaian kulit mewah, kasut, pakaian dan aksesori untuk lelaki dan wanita daripada pelbagai jenama. Peruncitan adalah penyumbang utama Kumpulan kepada hasil dan keuntungan. Di Malaysia, butiknya beroperasi di bawah jenama Bonia, Braun Buffel, Sembonia, Renoma, Valentino Rudy dan Santa Barbara Polo & Racquet Club. Bonia telah mengembangkan operasinya ke Singapura, Indonesia, Vietnam, Myanmar, Kemboja, Brunei, Jepun, Taiwan, Arab Saudi, Kuwait dan China.

yang akan memberikan hak pemilikan [1]/

- Menjurus kepada perkongsian jangka pertengahan iaitu antara tiga hingga enam tahun dengan syarikat yang menerima pembiayaannya [1]

2. Modal ekuiti [1]

- Modal yang diperolehi daripada pemilik perniagaan. [1]/
- Pemilik perniagaan boleh memilih untuk menjual ekuiti syarikat dalam bentuk saham
- kepada para pelabur. [1]/
- Dilakukan dengan tawaran saham kepada umum atau penaja jamin seperti pihak bank. [1]/
- Pelabur akan berkongsi keuntungan yang diperoleh oleh perniagaan. [1]/
- Sumber modal ekuiti termasuklah modal pemilik, keluarga dan kenalan,pelabur tidak formal dan modal teroka. [1]

3. Modal hutang [1]

- Modal yang diperolehi melalui pembiayaan berbentuk hutang yang melibatkan instrumen berasaskan faedah. [1]
- Usahawan perlu membayar balik pinjaman berserta faedah tidak kira sama ada perniagaannya memberikan keuntungan atau kerugian. [1]
- Dua jenis pinjaman iaitu pinjaman jangka pendek dan jangka panjang. [1]

[Tiga fakta pertama (1F + 1H=2M) x 3 = 6M]

4. Nyatakan **enam** elemen rancangan pengeluaran dalam rancangan perniagaan. [6]

1. Proses pengeluaran [1]
2 Bahan mentah yang diperlukan [1]
3. Mesin dan peralatan [1]
4. Huraian tapak projek, kesesuaian, dan pelan lokasi kilang [1]
5. Susun atur ruang operasi [1]
6. Carta aliran operasi [1]
7. Stok simpanan bulanan atau tahunan [1]
8. Jadual pelaksanaa projek [1]
9. Premis perniagaan dibeli, disewa atau dipajak [1]

Enam pertama [6E = 6M]

5. Huraikan **dua** tahap perniagaan antarabangsa yang berikut [4]

1. **Antarabangsa** [1]

- Perniagaan yang melibatkan dua pihak atau pelbagai pihak antara sesebuah negara dengan negara lain [1]/
- Melibatkan perniagaan import dan eksport antara sesebuah negara dengan yang lain [1]/
- Di peringkat ini eksport meningkat dan persaingan dikendalikan sendiri bagi setiap negara. - Melibatkan pertukaran mata wang asing [1]

2. Global [1]

- Melihat dunia sebagai pasaran tunggal [1]/
- Beroperasi di pelbagai tempat seluruh dunia bertujuan mendapatkan untung [1]/

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar